



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN  
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN  
TAHUN 1444 HIJRAH / 2022 MASIHI**

**HARI KHAMIS (MALAM JUMAAT),  
5HB SAFAR 1444H / 1HB SEPTEMBER 2022M  
(MALAM KETIGA)**

**BERTEMPAT,  
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَهُوَ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالَّتِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهٰهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Menghadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

*Alhamdulillah wasysyukru Lillah*, dan dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patik kemuncak Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada malam ketiganya ini sangat meriah, diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang akan mengurniakan titah serta menyempurnakan penyampaian cendera mata dan hadiah-hadiah.

Sehubungan dengan itu hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan bagi pihak Penasihat-Penasihat serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan juga segenap peringkat Jawatankuasa Kerja Musabaqah ini dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih kehadapan majlis Kebawah Duli tuan Patik dengan irungan do'a ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semoga Kebawah Duli Tuan Patik beserta Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam 'inayah serta hidayah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, terhindar dari segala bahaya, dilanjutkan usia, sihat dan bahagia dalam limpahan rahmat kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Disembahkan bahawa dengan tema *Bertemankan Al-Qur'an Sepanjang Zaman* musabaqah tahun ini tetap konsisten menjadi sebahagian wadah untuk kita sentiasa berdamping dengan kitab suci Al-Qur'an.

Berdamping dengan al-Qur'an itu membuka peluang untuk beroleh keberkatan dunia dan ukhrawi, iaitu berkat membacanya dan berkat mendengar ayat-ayatnya dibacakan. Seterusnya berkat mengambil ingatan, pengajaran daripada kandungannya.

Mengambil pengajaran daripada al-Qur'an itu adalah sangat mustahak. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sendiri menyembutnya dan bahkan sampai empat kali dalam satu surah yang sama, iaitu Surah al-Qamar ayat 17, 22, 32 dan 40 dengan ungkapan yang sama:

وَلَقَدْ يَسَّرَنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ  
وَلَقَدْ يَسَّرَنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ

**Mafhumnya:** “Dan demi sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Quran untuk peringatan maka adakah siapa yang mahu mengambil pengajaran?”

Oleh yang demikian, bertemankan al-Qur'an sepanjang zaman adalah dengan cara sentiasa membaca dan mendengar ayat-ayatnya dibacakan.

Diikuti dengan memahami kandungannya. Mengambil iktibar dari pengajaran-pengajarannya – yang tidak syak lagi adalah pengajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Suruhan dan perintah-Nya yang dipatuhi. Tegahan dan larangan-Nya yang dihindari.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Disembahkan bahawa acara majlis penutup musabaqah ini akan menyaksikan persembahan khas dari dua orang hafiz dan hafizah yang istimewa, masing-masing berusia 12 dan 14 tahun, dari negara tetangga Republik Indonesia.

Seorang lumpuh otak (celebral palsy), seorang lagi tiada upaya melihat (tuna metra).

Dalam keadaan fizikal mereka ditakdirkan Allah sedemikian itu, mereka diasuh oleh ibubapa-ibubapa mereka dengan redha, tabah sabar, seterusnya dibimbing oleh guru-guru yang sangat perihatin. Hasilnya ialah mereka jadi hafiz dan hafizah yang berkemahiran istimewa dalam keadaan fizikal yang ditakdirkan juga istimewa.

Maka mereka ditampilkan dengan keistimewaan masing-masing itu dalam majlis musabaqah membaca al-Qur'an tahun ini untuk jadi iktibar dan memotivasi kan ibubapa dan guru tentang mustahaknya sikap redha dan tabah sabar, tidak putus asa dan resah gelisah dalam menghadapi dan mengalami keadaan-keadaan sukar mengasuh dan membimbing kanak-kanak yang berkeadaan istimewa fizikalnya, sambil berusaha berikhtiar, berdoa dan bertawakal dengan penuh keimanan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Dan yakinilah bahawa Allah menjanjikan kesudahan yang terbaik dan berhikmah ke atas setiap orang menurut kadar yang Allah tentukan.

Demikianlah disembahkan.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Sebelum mengakhiri sembah, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat menyerikan majlis yang berkebajikan dan berkeberkatan ini.

Seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenaan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat  
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat  
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Diraja,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,

- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga. Amin ya rabbal 'alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama  
5hb Safar 1444 / 1hb September 2022